

ANALISIS PERSEPSI PIHAK BERKUASA AGAMA TERHADAP PERMASALAHAN KUFU DALAM PERKAHWINAN MASYARAKAT MELAYU NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(An analysis of religious authorities' perception on issue of kufu in Malays' Marriage of Brunei Darussalam)

Nurhafizah Haji Ismadi
nurhafizah_25@hotmail.com

Mohd. Norhusairi Mat Hussin
husairi@um.edu.my

Raihanah Abdullah
raihanah@um.edu.my

Jabatan Syariah dan Undang-undang,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya.

Published online: 1 January 2019
To cite: Nurhafizah Haji Ismadi, Mohd. Norhusairi Mat Hussin and Raihanah Abdullah. (2019). Analisis persepsi pihak berkuasa agama terhadap permasalahan kufu dalam perkahwinan masyarakat Melayu Negara Brunei Darussalam. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(1), 124 – 143.

Abstrak

Pembentukan sebuah keluarga bermula daripada pemilihan pasangan berdasarkan kriteria yang dianjurkan dalam Islam. Antara usaha untuk menghindari daripada berlakunya konflik rumah tangga adalah dengan meneliti konsep kufu yang dipraktikkan oleh calon suami dan isteri sebelum melangsungkan perkahwinan. Artikel ini bertujuan menganalisis konsep kufu dalam perspektif amalan masyarakat Melayu di Negara Brunei Darussalam dan hubung kaitnya dengan institusi kekeluargaan pada masa ini. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual berstruktur dengan lapan orang informan daripada mahkamah syariah dan Bahagian Khidmat

© Dewan Bahasa dan Pustaka. 2019. This work is licensed under the term of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

ANALISIS PERSEPSI PIHAK BERKUASA AGAMA BRUNEI TERHADAP PERMASALAHAN KUFU

Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah Brunei. Seterusnya, analisis dilakukan secara deskriptif berdasarkan data yang dikumpulkan menggunakan perisian komputer ATLAS.ti. Hasil kajian mendapati masyarakat di daerah Brunei dan Muara tidak terdedah dengan konsep kufu dalam perkahwinan secara menyeluruh. Oleh sebab itu, masyarakat kurang memahami akan kepentingan kufu untuk membentuk institusi kekeluargaan yang lebih berkualiti.

Kata kunci: pemilihan pasangan, kufu, institusi kekeluargaan, konflik rumah tangga

Abstract

The formation of the family begins with life-partner selection based on criteria provided in Islam. One of the efforts in preventing marital conflicts is to examine the practice of kufu between future husband and wife before getting married. Therefore, this article is carried out to analyze the concept of kufu in terms of practices among the society of Brunei Darussalam and its relation with the family institution nowadays. Thus, a structured interview is made with 8 authoritative informants from Shariah Court and Family Counselling Service Division of the Shariah Affairs Department of Brunei. Then, a descriptive analysis is made based from the data collected by using ATLAS.ti, a computer program. Hence, the study found that the term "kufu" is not well-known by the society of Brunei and Muara District. Therefore, they are less aware with the importance of kufu in producing a better quality of the family institution.

Keywords: life-partner selection, kufu, family institution, marital conflicts

PENDAHULUAN

Soal perkahwinan merupakan suatu perkara yang serius kerana berkaitan dengan masa hadapan setiap individu. Tujuan perkahwinan dalam Islam adalah untuk membina kehidupan yang tenang dan bahagia, serta menjalani kehidupan yang lebih sem-purna sebagai hamba Allah SWT seperti firman-Nya yang bermaksud:

“Dan antara tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya, bahwa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan-Nya antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.”

(Surah al-Rum 30: 20)

Berdasarkan ayat tersebut, sesebuah perkahwinan dalam Islam bertujuan

memastikan manusia dapat hidup secara tenang, *sakinah* dan *mawaddah* dan seterusnya menghasilkan sebuah kehidupan yang berkualiti. Bagi merealisasikan sebuah perkahwinan, Islam turut memberikan panduan kepada umatnya supaya matlamat dan tujuan sesebuah perkahwinan yang disyariatkan itu tercapai dan tidak mendarangkan *dharar* (kemudaran) kepada pasangan yang mendirikan rumah tangga. Oleh sebab tujuan pernikahan dalam Islam adalah untuk membina rumah tangga yang tenteram, damai dan sejahtera, maka fuqaha meletakkan *kafa'ah* (kufu) sebagai antara syarat dalam perkahwinan (Khairuddin, 2003).

Oleh itu, setiap individu hendaklah berhati-hati memilih pasangan kerana pasangan tersebut akan memberikan kesan besar kepada sesebuah perkahwinan. Islam memberikan garis panduan yang sewajarnya untuk memilih pasangan berdasarkan ciri yang dijelaskan dalam sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Musaddad menceritakan kepada kami, Yahya bin Ubaydillah menceritakan kepada kami dan berkata: Ibn Abi Sa'id telah menceritakan kepadaku, daripada bapanya, daripada Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda: "Perempuan itu dinikahi kerana empat perkara, kerana hartanya, atau kerana keturunannya, atau kerana kecantikannya, atau kerana agamanya. Tetapi pilihlah yang beragama, agar dirimu selamat.

(Riwayat al-Bukhari)

Pelbagai aspek dalam pemilihan pasangan agak sukar untuk dipenuhi kesemuanya, namun sebahagian besarnya boleh dicapai jika mementingkan kriteria kufu dalam pemilihan pasangan (Harun, 2012). Secara umumnya, antara usaha untuk membina rumah tangga yang berkekalan dan menghindari pertelingkahan yang boleh membawa perceraian adalah dengan meneliti konsep kufu yang diperlukan antara calon suami dengan isteri. Perkara tersebut perlu diberikan perhatian sebelum berlangsungnya pernikahan kerana kewujudan kufu boleh memberikan pengaruh yang besar untuk mewujudkan keserasian antara suami dengan isteri.

Semakin banyak kriteria kufu yang dapat dipenuhi, semakin tinggi tahap keserasian antara lelaki dengan wanita dalam memilih pasangan. Seterusnya, kewujudan kufu juga boleh memberikan impak yang positif terhadap rumah tangga yang hendak dibina (Harun, 2012). Rumah tangga yang bahagia banyak bergantung pada faktor pemilihan pasangan yang tepat, terutamanya yang mementingkan perihal agama kerana pemilihan pasangan yang kurang bersesuaian boleh menimbulkan pelbagai konflik rumah tangga yang boleh membawa kepada perceraian (Haniza, 2016).

Selain itu, perkahwinan antara lelaki dengan wanita yang mempunyai jurang perbezaan yang besar dalam beberapa perkara juga boleh mencetuskan kesan yang

negatif dalam hubungan kekeluargaan (Abd. Jalil, 1993). Tuntutan yang berlebihan yang tidak mampu direalisasikan oleh pasangan boleh mendorong kepada pertelingkahan dan seterusnya berakhir dengan perceraian (Fad Kahlil, 2013). Begitu juga dengan faktor tuntutan daripada isteri yang tidak dapat dipenuhi oleh suami dan sikap isteri yang suka membanding-bandinkan suaminya dalam pelbagai aspek (Abdul Aziz, 1998). Oleh itu, pemilihan pasangan amat penting sebelum melangsungkan perkahwinan agar institusi kekeluargaan yang diimpikan dapat direalisasikan.

OBJEKTIF DAN METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan menjelaskan keperluan kufu dalam perkahwinan seperti yang dituntut dalam Islam. Selain itu, kajian turut mengkaji konsep kufu dari perspektif amalan masyarakat Islam menurut pandangan pihak berkuasa agama, khususnya yang terlibat secara langsung dalam urusan perkahwinan dan perceraian di Negara Brunei Darussalam. Pengetahuan tentang persepsi pihak berkuasa agama tentang keperluan kufu penting kerana mereka terlibat untuk mengubal dasar menguruskan perkahwinan dan menyelesaikan kes perceraian di Negara Brunei Darussalam. Kaedah temu bual digunakan sebagai instrumen kajian kerana kaedah ini merupakan suatu proses interaksi secara langsung bagi mendapatkan maklumat daripada informan yang berautoriti (Adi Fahrudin, 2011). Sebanyak lapan orang informan ditemu bual dalam kajian ini, yang terdiri daripada hakim syar'i, pendaftar mahkamah dan pegawai khidmat nasihat keluarga:

- Informan 1: Haji Ali Bolkiah bin Haji Md. Diah, Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Daerah Brunei dan Muara.
- Informan 2: Kartini binti Haji Ahmad, Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei dan Muara.
- Informan 3: Maslilywati binti Haji Abdullah, Pegawai Khidmat Nasihat Keluarga, Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah.
- Informan 4: Roziah binti Haji Bakir, Pegawai Kanan Khidmat Nasihat Rumah-tangga, Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah.
- Informan 5: Masliza binti Haji Mohamad, Pegawai Kanan Khidmat Nasihat Rumah Tangga, Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah.
- Informan 6: Muhammad Hanif bin Haji Sha'ari, Pegawai Khidmat Nasihat Keluarga, Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah.

- Informan 7: Pengiran Tejuddin bin Pengiran Haji Ahamad, Pegawai Kanan Khidmat Nasihat Rumahtangga, Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah.
- Informan 8: Normasuzanah binti Awang Badarudin, Pegawai Khidmat Nasihat Keluarga, Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah.

Seterusnya, data yang diperoleh daripada temu bual dianalisis dan dibahagikan kepada beberapa tema, iaitu amalan masyarakat Islam Negara Brunei Darussalam tentang konsep kufu dalam perkahwinan, penilaian kufu dalam kalangan pihak berkuasa agama di daerah Brunei dan Muara, serta impak dan jaminan kufu untuk memperkuuh institusi kekeluargaan.

KONSEP KUFU DALAM PERBAHASAN FIQAH

Kufu dalam perkahwinan merupakan suatu konsep kesepadan taraf antara calon suami dengan isteri (*Kamus Dewan*, 2015) dari sudut keagamaan, keturunan, keadaan berkeluarga, dan sebagainya (Abu al- Fadl, 2014). Perbahasan ulama tentang konsep kufu sememangnya dibincangkan secara meluas kerana keadaan masyarakat pada zaman dahulu yang lebih cenderung untuk memilih calon suami dan isteri yang setaraf.

Keperluan kufu dalam perkahwinan ada dijelaskan dalam hadis Rasulullah SAW sebagai antara usaha untuk meningkatkan lagi mutu kehidupan rumah tangga yang bahagia:

Maksud: Abdullah bin Said menceritakan kepada kami: al-Harith bin Imran al-Ja'fari menceritakan kepada kami, daripada Hisham bin 'Urwah, daripada bapanya, daripada Aishah berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Pilihlah wanita sebagai wadah untuk menumpahkan nutfah kamu, nikahilah mereka yang sekufu dengan kamu dan kahwinilah mereka."

(Hadis Riwayat Ibn Majah)

Namun, setiap mazhab mempunyai perbezaan pendapat tentang ciri yang dimaksudkan dengan kufu. Menurut mazhab Maliki, kufu dalam perkahwinan hanya dinilai daripada segi keagamaan dan hal (keadaan), yang bermaksud keselamatan diri seseorang daripada berlakunya aib yang membolehkan *khiyar* (membuat pilihan). Jumurul ulama pula berpendapat kufu dalam perkahwinan perlu dilihat dari segi keagamaan,

keturunan, kemerdekaan, pekerjaan dan kemewahan seseorang (Wahbah, 2010). Para fuqaha, khususnya daripada aliran kontemporari mempunyai perbahasan yang pelbagai berkenaan dengan kufu'. Meskipun demikian, secara prinsipnya, kufu bermaksud wujudnya keseimbangan antara suami dengan isteri dalam pelbagai perkara dan merupakan antara panduan terbaik untuk membina sebuah perkahwinan yang *sakinah, mawaddah* dan *rahmah* seperti yang dituntut oleh Islam (Badran, 2002). Pandangan yang dikemukakan oleh para fuqaha ini berpandukan ayat al-Quran melalui *Surah al-Nur* yang bermaksud:

“Wanita-wanita yang keji adalah untuk laki-laki yang keji, dan laki-laki yang keji adalah buat wanita-wanita yang keji (pula), dan wanita-wanita yang baik adalah untuk laki-laki yang baik dan laki-laki yang baik adalah untuk wanita-wanita yang baik (pula). Mereka (yang dituduh) itu bersih daripada apa-apa yang dituduhkan oleh mereka (yang menuduh itu). Bagi mereka ampunan dan rezeki yang mulia (syurga).”

(Surah *al-Nur* 24: 26)

Akhhlak adalah antara ciri kufu yang paling penting diberikan perhatian kerana Allah SWT menjanjikan seseorang yang berakhhlak baik akan dipertemukan dengan pasangan yang baik juga, dan begitulah sebaliknya. Ukuran kebaikan akhhlak ini terpakai kepada kedua-dua belah pihak sama ada lelaki maupun perempuan. Islam sangat menitikberatkan kesekufuan dari segi akhhlak kerana ingin menggambarkan bahawa hanya akhhlak yang baik sahaja akan menyelamatkan sesebuah rumah tangga dan tercapainya objektif sesebuah perkahwinan. Jika berlaku sebaliknya, rumah tangga akan kacau-bilau, wujudnya penganiayaan dan berakhir dengan keruntuhan institusi rumah tangga.

Ciri kufu terhadap golongan lelaki pula tidak perlu disangkal lagi kerana lelaki mesti memiliki sifat kepimpinan sebagai ketua keluarga. Tanggungjawabnya sebagai seorang suami amat berat untuk memberikan nafkah dan perlindungan yang sewajarnya kepada isteri dan anak-anak (Mohammad Hasnawi, 2004). Berdasarkan sifat kepimpinan yang perlu dimiliki oleh setiap lelaki, maka wajarlah lelaki tersebut mempunyai keserasian dengan pasangannya dari pelbagai sudut. Berlainan pula dengan kedudukan wanita dari perspektif kufu kerana wanita dan walinya mempunyai hak mutlak untuk meneruskan perkahwinan atau tidak. Kenyataan ini bermaksud apabila akad nikah dilangsungkan iaitu dinikahkan dengan tanpa persetujuan mereka dengan lelaki yang tidak sekufu atau memenuhi kriteria yang ditetapkan, maka akad tersebut boleh menjadi tidak sah (Abdul Rahman, 1969) mengikut pandangan sebahagian ulama. Malah, seseorang wali mujbir boleh membuat permohonan untuk membubarkan perkahwinan anak perempuannya sekiranya dia mendapat perkahwinan anak perempuannya tidak mempunyai unsur

kesetaraan (kufu) (Muhammad Abu, 1950).

KEPERLUAN KUFU DALAM REALITI SEMASA MASYARAKAT

Penilaian kufu pada zaman dahulu lebih sinonim dinilai dari segi nasab dan latar belakang seseorang kerana menjadi suatu kebanggaan khususnya, kepada masyarakat Arab (Wizarah, 1997). Masyarakat Arab lebih cenderung untuk berpegang teguh pada kesepadan status sosial kerana berpendapat ciri ini boleh memberikan pengaruh yang besar kepada kehidupan rumah tangga yang lebih berkualiti. Namun begitu, perbahasan tentang kufu tidak dibincangkan dengan meluas dalam kalangan bangsa lain kerana kitab fiqah hanya menumpukan perbahasan kufu dalam kalangan bangsa Arab sahaja.


Tambahan pula, masyarakat pada masa ini kurang mengutamakan kufu dalam perkahwinan kerana struktur sosial masyarakat yang sudah berbeza jika dibandingkan dengan zaman dahulu (Saadah, 2010). Masyarakat kini sudah terdedah kepada cara hidup yang lebih moden dan berfikiran terbuka untuk memilih pasangan. Meskipun, istilah kufu kurang dikenali dalam kalangan masyarakat, namun masyarakat sebenarnya telah menerapkan konsep kufu apabila memilih pasangan yang setaraf untuk berkahwin. Tambahan pula, keadaan masyarakat kini lebih cenderung untuk menilai pasangan yang setaraf dari pelbagai sudut (Ahmad Royani, 2013).

Realitinya pada hari ini, penetapan kufu tidak menjadi suatu keutamaan untuk merealisasikan sesebuah perkahwinan tetapi bergantung pada individu itu untuk menilai kriteria yang diperlukan. Jika suami dan isteri menyedari hakikat bahawa mereka tidak sekufu tetapi boleh menerima keadaan pasangan masing-masing, isu kufu tidak akan timbul. Penetapan kufu dalam perkahwinan bukanlah bertujuan membezakan taraf dan corak kehidupan masyarakat tetapi lebih untuk penjagaan maslahat dalam sesebuah rumah tangga.

Aspek agama hendaklah diberikan keutamaan oleh setiap pasangan, manakala aspek lain hanyalah sebagai perkara tambahan untuk menyempurnakan pembentukan rumah tangga. Dengan adanya penghayatan dan ajaran agama yang baik, rumah tangga yang dibina akan bahagia dan sejahtera. Meskipun konsep kufu dalam perkahwinan tidak menjadi suatu kewajipan tetapi penting untuk membina rumah tangga yang berkekalan.

Dalam kalangan masyarakat Islam di daerah Brunei dan Muara, khususnya pemilihan pasangan amat diutamakan selaras dengan kehendak agama Islam yang menggalakkan kufu dalam pemilihan pasangan. Berdasarkan Rajah 1, Informan

ANALISIS PERSEPSI PIHAK BERKUASA AGAMA BRUNEI TERHADAP PERMASALAHAN KUFU



2. Menyatakan, dua risaun yang dikenali sebagaimana...

sebagai satu indikator bahawa istilah tersebut merupakan antara adat perkahwinan yang diamalkan dalam kalangan masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam yang mempunyai hubung kait dengan tuntutan kufu dan Islam. “Tebus Bangsa” merupakan sejenis denda yang perlu dibayar oleh calon suami kepada calon isteri sama ada dalam bentuk wang tunai atau benda yang bernilai jika kedudukan calon isteri lebih tinggi daripada calon suami (Norazah, 2004). Walau bagaimanapun, status dan kedudukan tidak lagi menjadi keutamaan, sesuai dengan persekitaran dan penerimaan masyarakat yang lebih bersifat terbuka (Hashim, 2003). Begitu juga dengan tradisi perkahwinan banyak ditinggalkan oleh masyarakat Melayu pada masa ini (Saadah, 2010).

Dengan adanya faktor keturunan dan latar belakang yang menjadi antara norma penting dalam pemilihan pasangan, maka kufu perlu diamalkan dalam masyarakat seperti yang dinyatakan oleh Informan 8, “Ya, sesetengah masyarakat menjadikan amalan kufu … sebagai suatu keperluan” [8:1]. Kenyataan tersebut menggambarkan senario perkahwinan yang dinilai atas dasar kufu antara calon suami dengan isteri. Informan 5 menambah, “…mengutamakan perkahwinan sekufu, yang berkemungkinan atas tuntutan syarat keluarga kedua-dua belah pihak ataupun daripada pasangan” [5:35] sebagai suatu usaha yang diwujudkan oleh calon suami dan isteri, serta keluarga untuk merealisasikan perhubungan yang seimbang antara kedua-dua belah pihak.

Oleh sebab kufu hanya sebagai suatu tuntutan yang digalakkan dalam Islam, Informan 5 menyatakan, “Tetapi masih terdapat masyarakat kita di Brunei ini berkahwin dengan pilihan sendiri tanpa memikirkan nilai sekufu…” [5:2] sebagai sikap masyarakat yang tidak begitu mengambil berat tentang kufu kerana pemilihan pasangan tertakluk pada setiap individu untuk menilainya. Oleh itu, kufu tidak menjadi suatu kewajipan yang perlu dilaksanakan oleh setiap pasangan tetapi hanya sebagai suatu tuntutan dalam Islam seperti yang dinyatakan oleh Informan 5, “Walau bagaimanapun, ianya bukanlah suatu kewajipan di negara ini untuk membuat penetapan dalam syarat perkahwinan” [5:36].

Berdasarkan situasi tersebut, secara tidak langsung kufu sebenarnya tidak menjadi keperluan utama. Informan 2 menyebutkan, “…ia tertakluk kepada keluarga yang ada mementingkan kufu atau tidak mementingkannya. Tetapi kebanyakan masyarakat tidak melihat dari segi kufu seseorang,” [2:44]. Pandangan tersebut memberikan gambaran bahawa penilaian kufu tertakluk pada individu atau keluarga yang mementingkannya. Kebanyakan masyarakat tidak menjadikannya sebagai suatu tuntutan utama, seperti yang dinyatakan oleh Informan 4, “Tidak. Amalan kufu tidak menjadi satu keperluan…” [4:1] dan turut dipersetujui oleh Informan 7,

ANALISIS PERSEPSI PIHAK BERKUASA AGAMA BRUNEI TERHADAP PERMASALAHAN KUFU

“ Ia tidak diambil berat sangat...” [7:1]. Informan 6 pula menambah bahawa “Tidak selalu menjadi keperluan tetapi akan selalu dipertimbangkan”, [6:1] Berdasarkan pandangan informan, jelaslah bahawa kufu cuma dianggap sebagai suatu perkara yang akan dipertimbangkan dalam pemilihan pasangan dan tertakluk pada pasangan dan keluarga tersebut.

KADAR PERCERAIAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN HUBUNGANNYA DENGAN KUFU DALAM MASYARAKAT MELAYU DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Jadual 1 Statistik pendaftaran perceraian mengikut daerah tahun 2010 – 2015.

TAHUN	BRUNEI MUARA	KUALA BELAIT	TUTONG	TEMBURONG	JUMLAH PERCERAIAN
2010	321	89	58	15	483
2011	318	69	59	13	459
2012	372	87	68	11	538
2013	336	78	44	11	469
2014	325	94	62	12	493
2015	370	79	67	8	524

(Sumber: Statistik mahkamah syariah)

Berdasarkan Jadual 1, statistik berkenaan dengan jumlah perceraian di Negara Brunei Darussalam tidak berada tahap yang memuaskan, meskipun terdapat penurunan dan peningkatan kes perceraian yang tidak sekata dalam tempoh lima tahun. Secara keseluruhannya, lebih 450 kes perceraian didaftarkan di Negara Brunei Darussalam. Adapun Daerah Brunei dan Muara merupakan daerah yang paling banyak menerima kes tuntutan perceraian dari tahun 2010 hingga tahun 2015, jika dibandingkan dengan daerah lain. Antara alasan perceraian yang diperoleh daripada statistik Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah mendapati bahawa antara punca utama yang menimbulkan konflik rumah tangga termasuklah tiada persefahaman antara suami dengan isteri (Saidah, 2014).

Secara kebetulan faktor tiada persefahaman antara suami dengan isteri disebabkan oleh pasangan yang tidak sekufu. Kenyataan tersebut menunjukkan bahawa pasangan yang tidak sekufu turut menjadi faktor utama berlakunya

pembubaran perkahwinan kerana percanggahan pandangan antara suami dengan isteri dalam beberapa perkara. Terdapat beberapa kes perceraian yang didapati berkaitan dengan permasalahan kufu, terutama perceraian yang melibatkan pasangan yang memiliki jurang usia yang agak jauh, perkahwinan dalam usia yang muda, serta perbezaan dari sudut agama, budaya dan warganegara (Dewi, 2010).


Berdasarkan kenyataan tersebut, pasangan yang tidak sekufu secara tidak langsung turut menjadi penyebab berlakunya masalah rumah tangga di Negara Brunei Darussalam kerana perbezaan yang wujud antara pasangan yang menimbulkan ketidakserasan dari segi personaliti, sikap dan pemikiran sehingga sukar untuk difahami oleh pasangan (Saidah, 2010). Tiada persefahaman dan jurang perbezaan yang ketara dari pelbagai sudut juga boleh menimbulkan pertengkaran yang berterusan (Mahmud, 2009) dan boleh mendorong berlakunya jenayah penderaan, khususnya terhadap golongan wanita (Rogayah, 2008). Lebih teruk lagi pasangan yang tidak sekufu turut mendorong pihak suami untuk melafazkan talak di luar mahkamah akibat faktor perselisihan faham yang berterusan (Saaidah, 2012).

Jelasnya, pemilihan pasangan hidup yang mengabaikan aspek kufu memberikan kesan terhadap intitusi kekeluargaan. Meskipun kufu bukan suatu kewajipan tetapi sebagai panduan yang tidak boleh dipandang remeh. Oleh sebab itu, amalan sekufu ini amat dititikberatkan demi menjamin kestabilan sesbuah rumah tangga. Walau bagaimanapun, pasangan suami isteri juga boleh hidup bahagia jika mempunyai toleransi yang tinggi dan saling memahami, meskipun tidak sekufu.

PENILAIAN KUFU DALAM KALANGAN MASYARAKAT MELAYU MENGIKUT PANDANGAN PIHAK BERKUASA AGAMA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Berdasarkan Rajah 2, kajian mendapati kriteria kufu yang diutamakan dalam masyarakat selaras dengan konsep kufu dalam Islam. Meskipun kufu menjadi suatu keperluan dalam perkahwinan, namun kriteria kufu yang dinilai bergantung pada individu seperti yang dinyatakan oleh Informan 1 yang menyebut, “Tertakluk pada setiap individu untuk menilai,” [1:36]. Tidak semestinya lelaki dan wanita yang memiliki persamaan dianggap sebagai pasangan yang sekufu. Menurut Informan 2, “...Ada juga terdapat individu yang mempunyai kelebihan dalam sesuatu bidang, tetapi tidak pada pasangannya. Oleh yang demikian, keadaan ini juga boleh memberikan keseimbangan kepada pasangannya” [2:4]. Kenyataan ini menunjukkan bahawa kriteria kufu yang diambil kira berbeza-beza mengikut penerimaan

ANALISIS PERSEPSI PIHAK BERKUASA AGAMA BRUNEI TERHADAP PERMASALAHAN KUFU



Rajah 2 Penilaian kufu.

setiap individu.

Begitu juga dengan Informan 6 yang menyatakan, “Bukan senang untuk dinilai...” [6:4] sebagai kata kunci utama yang menunjukkan bahawa penilaian kufu berbeza-beza mengikut inisiatif setiap pasangan. Walau bagaimanapun, kriteria kufu lebih menonjol dilihat pada perkara yang nyata seperti yang disebutkan oleh Informan 5, “Dari pandangan zahiriahnya sahaja ia dapat dinilai” [5:9] kerana masyarakat lebih cenderung untuk menilai dari segi keperibadian, latar belakang, tahap pendidikan

dan pekerjaan seseorang, jika dibandingkan dengan tahap pengetahuan agama seseorang.

Secara umumnya, kriteria kufu telah ditetapkan dalam Islam dan ditegaskan oleh Informan 4, "Dari segi agama, usia, pelajaran, keluarga dan kekayaan." [4:4]. Hal ini turut dipersetujui oleh Informan 8, "... agama dan akhlaknya ... perbezaan umur dan pendidikan ... nasab ... pasangan yang benar-benar sekufu adalah mereka yang mempunyai taraf yang sama pada 3 kriteria tadi ..." [8:6] sebagai indikator bahawa Islam menggalakkan pemilihan pasangan yang seimbang dari pelbagai sudut. Namun begitu, Informan 8 menjelaskan, "... tidaklah terlalu menjadi masalah kepada pasangan andai pasangan tersebut telah menerima dan memahami ..." [8:22] sebagai satu penjelasan bahawa kufu tidak menjadi piawaian utama dalam pemilihan pasangan tetapi hanya sebagai suatu strategi yang dilaksanakan untuk mengecapi kehidupan rumah tangga yang bahagia.

Informan 7 pula menyatakan, "Kufu hanyalah diihat dari segi kebaikan beragama dan berakhhlak baik," [7:17] sebagai pemangkin utama yang perlu dinilai dalam pemilihan pasangan dan bukan dinilai dari sudut yang lain. Hal tersebut turut dipersetujui oleh Informan 4 yang menyebutkan, "... bukan merujuk urusan dunia semata-mata tetapi menjadi ukuran yang paling utama ialah agama" [4:17]. Sungguhpun demikian, perihal agama seseorang sukar untuk ditonjolkan dan bersifat abstrak kerana berkaitan dengan pegangan hidup masing-masing.


Oleh yang demikian, senario perkahwinan yang berkaitan dengan permasalahan kufu lebih terdedah kepada perkara luaran seperti yang disebutkan oleh Informan 2, "... Dari kaca mata masyarakat, pasangan yang tidak sekufu lebih ketara dilihat pada pasangan yang berlainan negara dan bangsa" [2:32]. Situasi tersebut agak cenderung untuk terjadi dalam kalangan masyarakat di Negara Brunei Darussalam pada masa ini jika dibandingkan dengan faktor lain.

KESAN KEWUJUDAN KUFU DALAM INSTITUSI KEKELUARGAAN

Keperluan kufu dalam perkahwinan seperti yang dianjurkan dalam Islam memberikan kesan yang positif dalam kehidupan berumah tangga. Apabila seseorang itu bertekad untuk berkahwin dengan pasangan yang tidak sekufu dengannya, maka individu tersebut perlu berwaspada dengan sebarang kemungkinan yang timbul. Konflik rumah tangga boleh berlaku akibat wujudnya banyak perbezaan antara suami dengan isteri dari pelbagai sudut.

Namun, realitinya pada hari ini, permasalahan yang berkaitan dengan kufu tetap akan dibangkitkan apabila berlakunya konflik dalam rumah tangga, sama ada dari

ANALISIS PERSEPSI PIHAK BERKUASA AGAMA BRUNEI TERHADAP PERMASALAHAN KUFU



Rajah 3 Tidak sekufu punca keretakan rumah tangga.

pihak isteri, suami atau keluarga masing-masing. Oleh sebab itu, wajarlah kriteria kufu dititikberatkan oleh setiap individu yang hendak berkahwin.

Meskipun hasil kajian mendapati faktor suami dan isteri yang tidak sekufu menjadi antara penyebab berlakunya konflik rumah tangga, terdapat juga sebahagian informan yang kurang bersetuju dengan pendapat tersebut. Berdasarkan Rajah 3, Informan 1 menyebutkan, “Tidak semestinya kufu menjadi sebab perceraian...” [1:39] sebagai indikator bahawa pasangan yang tidak sekufu tidak menjadi penyebab utama yang mencetuskan konflik rumah tangga kerana terdapat juga perkahwinan sekufu yang boleh membawa kepincangan rumah tangga seperti yang dipersetujui oleh Informan 7, “Tidak semestinya tidak sekufu menjadi punca perceraian...” [7:16].

Begitu juga dengan Informan 5 yang menyatakan, “... tetapi melabel ia sebagai punca perceraian adalah kurang elok ...” [5:33] sebagai satu penegasan bahawa perceraian banyak berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Daerah Brunei dan Muara bukanlah disebabkan oleh pasangan yang tidak sekufu. Walau bagaimanapun, terpulanglah kepada setiap individu untuk saling memahami dan menerima keadaan

setiap pasangan seperti yang ditegaskan oleh Informan 5, "... Jadi segalanya bergantung pada pasangan dalam menguruskan rumah tangga" [5:29].

Sungguhpun demikian, terdapat juga permasalahan rumah tangga yang terjadi kesan daripada pasangan yang tidak sekufu. Hal tersebut diperakui oleh Informan 2, "Secara tidak langsung memang diakui pasangan yang tidak sekufu boleh menjadi punca berlakunya perceraian," [2:20]. Wujudnya jurang yang besar antara suami dengan isteri yang berlaku dari pelbagai sudut. Kenyataan tersebut turut dipersetujui oleh Informan 6 yang menyatakan, "Ya, memang terdapat beberapa kes masalah rumah tangga melibatkan pasangan yang tidak sekufu" [6:3]. Hal ini boleh terjadi disebabkan oleh perbezaan yang ketara antara suami dengan isteri sehingga sukar diterima oleh keluarga dan seterusnya boleh menimbulkan gangguan psikologi kepada kedua-dua belah pihak.


Seperti yang dijelaskan oleh Informan 6, "... keluarga tidak dapat menerima suami atau isteri, timbul perasaan ego dan tidak mahu bertimbang rasa antara pasangan" [6:21]. Perkara tersebut akan bertambah rumit jika pasangan berasa sukar untuk dinasihati apabila memiliki jurang yang besar dalam hal keagamaan yang menjadi kriteria utama kufu seperti yang disebutkan oleh Informan 8, "... misalnya suami yang tiada *kafaah* dari sudut agama, mungkin sahaja berasa isteri solehah tidak layak untuk menegur suaminya ataupun sebaliknya" [8:20]. Keadaan ini boleh mencetuskan perbalahan antara suami dengan isteri disebabkan oleh sifat ego yang berterusan dan keengganinan untuk berubah menjadi individu yang lebih baik.

Walau bagaimanapun, permasalahan rumah tangga kesan daripada pasangan yang tidak sekufu lebih banyak terjadi dalam hal pemberian nafkah kepada keluarga. Masyarakat perlu menyedari hakikat kufu yang diperlukan agar tidak menimbulkan masalah pada kemudian hari. Informan 5 menjelaskan, "Walau bagaimanapun, terdapat aduan yang berlandaskan tidak sekufu dalam hal kurang pemberian nafkah atau belanja keluarga," [5:31] sebagai gambaran bahawa pasangan yang tidak sekufu boleh menimbulkan masalah nafkah dan perbelanjaan keluarga kerana suami tidak memiliki pekerjaan atau timbulnya rasa tidak puas hati isteri terhadap pekerjaan suami.

Informan 5 turut menyebutkan, "Mungkin ya dan mungkin juga tidak," [5:28] sebagai suatu gambaran yang kurang pasti berkenaan dengan perkahwinan tidak sekufu yang boleh menimbulkan masalah rumah tangga. Meskipun terdapat aduan daripada pasangan yang tidak sekufu tentang masalah rumah tangga, namun sehingga kini masih belum ada statistik khusus dikeluarkan seperti yang disebut oleh Informan 5, "Tiada statistik di Brunei ini yang mencatatkan masalah sekufu atau tidak sekufu menjadi penyebab keretakan rumah tangga secara khusus" [5:7].

Oleh yang demikian, boleh dikatakan bahawa masalah rumah tangga turut berlaku

ANALISIS PERSEPSI PIHAK BERKUASA AGAMA BRUNEI TERHADAP PERMASALAHAN KUFU



Rajah 4 Jaminan kufu.

meskipun pasangannya sekufu. Cuma masyarakat kurang menyedari akan terjadinya kesan tersebut akibat pasangan yang tidak sekufu. Begitu juga pihak berkenaan seperti Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga dan Mahkamah Syariah kurang memberikan tumpuan yang serius tentang keperluan kufu dan pengaruhnya dalam institusi kekeluargaan.

KUFU SEBAGAI SATU PANDUAN UNTUK MEMPERKUKUH INSTITUSI KEKELUARGAAN

Melihat senario institusi kekeluargaan di Negara Brunei Darussalam, ternyata penetapan kufu dalam perkahwinan tidak begitu diambil perhatian sepenuhnya kerana setiap individu mempunyai cita rasa masing-masing dalam pemilihan pasangan.

Meskipun demikian, risiko yang dihadapi oleh pasangan yang tidak sekufu boleh timbul tanpa disedari.

Melalui temu bual yang dilaksanakan, ternyata kewujudan kufu boleh menjamin rumah tangga yang berkekalan. Namun, ada sebahagian informan yang menyatakan bahawa kufu bukanlah menjadi suatu jaminan untuk membina rumah tangga yang berkekalan kerana perkahwinan antara suami dengan isteri yang sekufu juga boleh mencetuskan konflik rumah tangga.

Berdasarkan Rajah 4, Informan 1 menyebutkan, “...isu *kafaah* tidak banyak timbul dalam dunia moden pada masa ini ...” [1:52] sebagai suatu gambaran bahawa isu pasangan yang sekufu atau tidak sekufu tidak mencetuskan masalah yang serius dalam kehidupan berkeluarga. Oleh sebab pemilihan pasangan dilakukan atas inisiatif individu, maka kelebihan dan kekurangan pasangan hendaklah diterima dengan reda kerana kufu tidak semestinya menjamin hubungan kekeluargaan yang berkekalan seperti yang dijelaskan oleh Informan 6, “Ia bukan jaminan kebahagiaan ...” [6:30].

Sungguhpun demikian, Informan 6 tidak menafikan bahawa kewujudan kufu boleh menjadi antara punca kebahagiaan rumah tangga, “... tetapi boleh menjadi salah satu faktor dalam mengekalkan hubungan suami dan isteri” [6:30]. Oleh yang demikian, dirumuskan bahawa suami dan isteri yang sekufu menjamin rumah tangga yang bahagia tanpa sebarang konflik rumah tangga dan tidak dinafikan bahawa kufu adalah antara strategi untuk memantapkan institusi kekeluargaan.

Berdasarkan hakikat tersebut, kewujudan kufu boleh menjamin kebahagiaan rumah tangga seperti yang dijelaskan oleh Informan 2, iaitu “Amalan kufu boleh menjadi jaminan ...” [2:57]. Hal tersebut turut dipersetujui oleh Informan 4 yang menyatakan bahawa, “amalan kufu ini boleh menjadi salah satu jaminan ...” [4:24] dan Informan 8, “saya tidak menafikan amalan kufu antara suami dengan isteri boleh menjadi salah satu faktor pencetus kebahagiaan rumah tangga ...” [8:33]. Keseimbangan tersebut boleh meningkatkan persefahaman, toleransi dan saling hormat-menghormati antara suami dengan isteri.

Jelasnya, tidak dinafikan bahawa kewujudan kufu adalah antara faktor penting untuk memperkuuh institusi kekeluargaan. Walau bagaimanapun, masalah rumah tangga tetap juga akan timbul meskipun mengambil kira aspek kufu dalam pemilihan pasangan kerana rumah tangga hanya menjadi sejahtera sekiranya berpandukan syariat Islam. Konsep kufu boleh dianggap sebagai panduan untuk membina sebuah rumah tangga dan bukannya suatu jaminan rumah tangga yang harmoni.

KESIMPULAN

Setiap individu mempunyai hak untuk menentukan pasangan yang hendak dikahwini. Pemilihan pasangan yang bersesuaian memainkan peranan yang sangat penting untuk merealisasikan pembentukan rumah tangga yang bahagia. Antara panduan untuk memilih pasangan adalah dengan menilai kriteria kufu antara calon suami dengan isteri, seperti yang disepakati oleh para ulama. Penetapan kufu dalam perkahwinan bukanlah bermaksud untuk membeza-bezakan taraf kehidupan setiap individu, namun lebih bertujuan meningkatkan persefahaman dan kasih sayang yang berterusan dan untuk mengelak berlakunya perselisihan antara suami dengan isteri. Oleh yang demikian, kufu tidak boleh dijadikan sebagai alasan untuk melakukan diskriminasi sesama manusia dengan hanya memilih pasangan berdasarkan aspek material semata-mata.

Meskipun terdapat perbezaan pendapat ulama tentang kriteria kufu, namun faktor agama dan akhlak tetap menjadi kriteria yang paling utama dalam pemilihan pasangan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa Islam tidak memandang tinggi pada aspek material semata-mata, tetapi turut mengambil kira kriteria lain yang menjadi tonggak pembentukan rumah tangga. Wali juga perlu memberikan kesedaran kepada pihak perempuan bahawa aspek agama amat penting dalam pemilihan calon suami dan tidak hanya memandang aspek luaran yang bersifat materialistik semata-mata, selain melihat kepentingan kufu dalam sesebuah perkahwinan.

Setiap individu mempunyai kebebasan untuk memilih calon suami atau isteri berdasarkan pilihan masing-masing, namun secara tidak langsung pemilihan pasangan tetap dinilai berdasarkan kriteria kufu yang dianjurkan dalam Islam, iaitu dari segi agama, latar belakang dan ekonomi, serta mendapat sokongan keluarga. Jelasnya, pemilihan calon suami atau isteri berdasarkan kriteria kufu sebenarnya telah lama diamalkan dan menjadi panduan untuk membina rumah tangga yang bahagia di Negara Brunei Darussalam, meskipun istilah kufu tidak diamalkan secara “rasmi” oleh generasi muda kini.

RUJUKAN

- Abdul Rahman al-Jaziri. (1969). *Kitab Fiqh 'ala Madhab al-Arba'ah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Abd. Jalil Mohd. Hassan. (1993). *Perkahwinan dalam Islam berdasarkan kepada dalil, hukum, hikmat dan panduan kebahagiaan*. Kuala Lumpur: A. S. Noordeen.
- Abdul Aziz Salim Basyarahil. (1998). *Pernikahan dan perkahwinan yang membahagiakan*. Johor: Perniagaan Jahabersa.
- Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukarram bin Manzur (2014). *Lisan Arab li ibn al-Manzur*. Beirut: Dar al-Sadir.
- Adi Fahrudin. (2011). Penyediaan borang soal selidik dan kaedah temu duga dalam penyelidikan. In Ahmat Adam dan Saidatul Nornis Hj. Mahali (Eds.,), *Penyelidikan dan*

- penulisan ilmiah.* Malaysia: Universiti Malaysia Sabah.
- Ahmad Royani. (2013). Kafa'ah dalam perkawinan Islam (Tela'ah kesederajatan agama dan sosial). *Al-Ahwal*, 5(1), 106.
- Al-Bukhari, Abu 'Abdullah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah bin Bardizbah al-Bukhari. (2000). Shahih al-Bukhari. In Salih bin Abd al-'Aziz bin Muhammad bin Ibrahim al-Shaykh (Ed.). *Mawsu'at al Hadith al-Syarif: Al-Kutub al-Sittah*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Dewi Mohd. Sofri. (2010). Incompatibility culprit in most divorces. Retrieved from <http://www.bt.com.bn/news-national/2010/03/25/incompatibility-culprit-most-divorces> at 17 Mac 2016.
- Fahd Kahlil Zaid. (2013). *Anda ingin kaya dan bahagia, maka kahwinlah*. Selangor: Pustaka Ibnu Katsir Sdn. Bhd.
- Haji Ali Bolkiah bin Haji Md. Diah (Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Daerah Brunei dan Muara). (2016, 28 Julai). Personal Interview.
- Haniza Abdul Latif. (2016). Institusi keluarga mesti diperkuuh. Retrieved from <http://www.pelitabrunei.gov.bn/nasional/item/26470-institusi-keluarga-mesti-diperkuuh> at 18 Mei 2016.
- Harun ar-Rasyid Haji Tuskan dan Abu Azka al-Madani. (2012). *Melayari nikmat rumah-tangga bimbingan buat mereka yang menempuh gerbang perkahwinan*. Selangor: Pustaka al-Ehsan.
- Hashim Haji Abdul Hamid. (2003). *Islam di Brunei Darussalam: Satu analisis sosio-budaya*. Brunei: Jabatan Kesusastraan Melayu, Universiti Brunei Darussalam.
- Ibn Majah, Abi Abdullah Muhammad bin Yazid al-Rabi' ibn Majah al-Qazwini (2000). *Sunan ibn Majah*. In Salih bin Abd al-'Aziz bin Muhammad bin Ibrahim al-Shaykh (Ed.). *Mawsu'at al Hadith al-Syarif: Al-Kutub al-Sittah*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Kamus Dewan* (4th ed.).(2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kartini Haji Ahmad (Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah, Daerah Brunei dan Muara). (2016, 6 Ogos). Personal Interview.
- Mahmud Saedon Awang Othman. (2009). *Keluarga bahagia: Dari kaca mata Islam*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maslilywati Haji Abdullah (Pegawai Khidmat Nasihat Keluarga, Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah). (2016, 4 Ogos). Personal Interview.
- Masliza Haji Mohamad (Pegawai Kanan Khidmat Nasihat Rumah Tangga, Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah). (2016, 13 Ogos). Personal Interview.
- Mohammad Hasnawi. (2004). *Motivasi kebahagiaan rumahtangga suami isteri yang direduhai*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Muhammad Hanif Haji Sha'ari (Pegawai Khidmat Nasihat Keluarga, Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah). (2016, 13 Ogos). Personal Interview.
- Norazah Pengiran Haji Muhammad. (2004). *Pengenalan: Adat perkahwinan etnik-etnik di negara Brunei Darussalam*. Brunei: Muzium Teknologi Melayu, Jabatan Muzium-

ANALISIS PERSEPSI PIHAK BERKUASA AGAMA BRUNEI TERHADAP PERMASALAHAN KUFU

muzium Brunei.

- Normasuzanah Awang Badarudin (Pegawai Khidmat Nasihat Keluarga, Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah). (2016, 25 Julai). Personal Interview.
- Pengiran Tejuddin Pengiran Haji Ahamad (Pegawai Kanan Khidmat Nasihat Rumah tangga, Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah). (2016, 1 Ogos). Personal Interview.
- Rogayah Abdullah. (2008). *Penderaan wanita di Negara Brunei Darussalam: Kes kajian di daerah Brunei dan Muara*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saadah Abdul Rahman. (2010). Marriage and family values in Malay Muslim society from Islamic perspective. *JANANG, Jurnal Akademi Pengajian Brunei*, (11), 114.
- Saadiah Datu Derma Wijaya Haji Tamit. (2010). *Transformasi undang-undang keluarga Islam Brunei*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saadiah Datu Derma Wijaya Haji Tamit. (2012). *Institusi keluarga dan undang-undang Brunei*. Pusat Dakwah Islamiah.
- Saidah Pg. Haji Omarali. (2014). “Jaga akidah bagi kebahagiaan rumah tangga”. Retrieved from <http://www.pelitabrunei.gov.bn/nasional/item/15113-jaga-akidah-bagi-kebahagiaan-rumah-tangga> at 24 Februari 2016.
- Wahbah al-Zuhaili. (2010). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah al-Kuwait. (Ed.). (1997). *Mawsu'at al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*. Kuwait: Dar al-Safwah.

Diperoleh (Received): 11 April 2017

Diterima (Accepted): 5 Disember 2018